

# Robot maya pintar laksana e-pembelajaran KUTKM

Archival News | Berita Harian | 27/06/2003

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Alor Gajah, Melaka memperkenalkan sistem e-pembelajaran (e-learning) menggunakan robot untuk pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasinya, mulai semester ini.

Prof Madya Goh Ong Sing yang memperkenalkan sistem itu berkata, ia dilaksanakan kerana kursus pengajian di kolej universiti itu lebih bercorak 'hands on', selain dianggap sesuai serta berbeza dengan e-pembelajaran lain.

"Kaedah ini berbeza kerana membabitkan penggunaan robot maya pintar serta sistem pesanan ringkas (SMS). Robot maya pintar itu dikenali sebagai AINI (Artificial Intelligent Neural-Network Identity) dan antara tugasnya ialah membantu pelajar membekalkan aktiviti harian, tugas yang perlu disiapkan serta khidmat nasihat," katanya.

Beliau berkata, AINI dilengkapi secara bersepadu perwatakan tiga dimensi, teknologi pertuturan serta kepintaran tiruan (artificial intelligent) dan fleksibel sehingga boleh digunakan mana-mana pihak.

Goh menjelaskan, e-pembelajaran itu digunakan untuk kursus pembangunan aplikasi web pelajar peringkat ijazah dan boleh dilawati di <http://ftmk.kutkm.edu.my/bitm2113>.

"Antara kemudahan lain e-pembelajaran ialah pelajar boleh berbual (chatting) sesama mereka, menjawab soalan kuiz secara talian dan penyelesaian masalah bersama menerusi forum yang diadakan," katanya.

Sistem e-pembelajaran itu juga menggunakan teknik personalization yang membolehkan pelajar mempunyai antara muka (interface) sendiri yang memaparkan keputusan markah secara talian.

Menerusi AINI juga, beliau berkata, KUTKM turut mewujudkan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia, Universiti Multimedia dan Universiti Murdoch (Australia).

(END) Source : Berita Harian